

TERJEMAHAN TEKS KHUTBAH KHAS IMAM MASJID NABAWI
AL IMAM SYEIKH DR. ABDELMUHSIN BIN MUHAMMAD BIN ABDUL RAHMAN AL QASIM
19 DISEMBER 2014 – 26 SAFAR 1436 H
MASJID AL HUSSAIN, KUALA PERLIS

Sesungguhnya segala pujian itu milik Allah, kita memujiNya, meminta pertolongan dan memohon ampun kepadaNya. Kita berlindung kepada Allah dari kejahatan diri kita dan amalan-amalan yang buruk, sesiapa yang menerima hidayah dari Allah maka tiada yang dapat menyesatkannya, dan barangsiapa yang disesatkanNya, maka tiada sesiapa yang mampu memberi hidayah kepadanya. Aku naik saksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah, Maha Esa dan tiada sekutu bagiNya, dan aku naik saksi bahawa Muhammad itu hamba dan pesuruhNya, semoga Allah memberi rahmat dan kesejahteraan kepada baginda, keluarga dan para sahabatnya.

Maka bertaqwalah wahai - hamba-hamba Allah – dengan sebenar-benar taqwa, maka barangsiapa bertaqwa kepada Tuhannya, bertambah tinggilah kedudukannya, dan bertambah baiklah kesudahan hidupnya selepas kematian.

Wahai para Muslimin,

Apabila Allah ingin memuliakan seorang hamba dengan ma'rifah kepadaNya serta mencampakkan ke dalam hati hamba itu rasa cinta pada Yang Esa, maka Allah akan melapangkan dadanya untuk menghadamkan sifat-sifat Allah, antara sifat-sifat tersebut adalah: Allah bersifat dengan sifat Kemuliaan melalui kebaikan yang banyak dan kurniaanNya yang melimpah-ruah. Antara sifat Allah juga adalah: Bersyukur, di mana Allah begitu mensyukuri amalan yang sedikit dari hambaNya dengan menganugerahkan pahala berlipat ganda ke atas amalan mereka sebagaimana dinyatakan dalam al-Quran:

إِنَّ رَبَّنَا لَعَزِيزٌ شَكُورٌ

“Sesungguhnya Tuhan kami adalah Maha Pengampun lagi Maha Bersyukur.” Surah Fathir ayat 34.

Ganjaran kebaikan paling minimum yang Allah anugerahkan adalah sebanyak sepuluh kali ganda dari pahala asalnya. Dia Mensyukuri amalan para hamba yang beriman dengan memberikan balasan syurga yang penuh kenikmatan. Seorang Muslim itu tidak seharusnya memperkecilkan suatu kebaikan, kerana dia tidak tahu kebaikan manakah yang bakal melayakkannya ke syurga, dan antara wasiat Nabi saw:

لَا تَحْقِرَنَّ مِنَ الْمَعْرُوفِ شَيْئًا

“Janganlah kalian memperkecilkan apa jua bentuk kebaikan.” Hadis riwayat Muslim.

Ibnu Hajar r.a. berkata: “Adalah seharusnya bagi seseorang itu tidak merasa cukup dengan sedikit amalan baik yang dia laksanakan, dan tidak juga merasa cukup dengan

sekadar meninggalkan sedikit amalan buruknya, sesungguhnya dia tidak mengetahui kebaikan mana yang akan mendatangkan rahmat Allah kepadanya, begitu juga dia tidak mengetahui akan keburukan mana dari perlakuannya yang bakal mengundang murka Allah.”

Allah swt mengistimewakan amalan seorang hamba dengan pahala yang melimpah-ruah dan berlipat ganda di sisiNya walaupun amalan itu sedikit. Sesungguhnya agama Tauhid itu adalah agama fitrah dan ganjaran kepada penganutnya adalah syurga. Nabi saw bersabda:

مَنْ لَقِيَ اللَّهَ لَا يُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا دَخَلَ الْجَنَّةَ

“Barangsiapa yang bertemu Allah dalam keadaan tidak mensyirikkan denganNya akan sesuatu, pasti dia akan memasuki syurga.” Hadis riwayat Muslim. Dan barangsiapa yang mengakhiri kehidupan dunianya dengan kalimah: ‘Tiada Tuhan melainkan Allah,’ maka sudah pasti dia akan masuk syurga.

Allah swt memberi pahala kepada cabang-cabang kecil ibadah, yang dilakukan berulang kali siang dan malam dengan menghapuskan dosa-dosa dan membuka pintu-pintu syurga. Maka Allah jadikan bersuci itu sebahagian dari iman, bersiwak itu sebagai keredhaanNya, dan barangsiapa berwudhu` lalu dia mengelokkan wudhu`nya, maka akan mengalir keluarlah kesalahan-kesalahan dari tubuhnya sehingga kepada apa ada di bawah kukunya. Dan barangsiapa selesai berwudhu` lalu mengucapkan: “Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah, dan Muhammad itu hamba Allah dan pesuruhNya, dibukakan baginya pintu-pintu syurga yang berjumlah 8 itu untuk dia masuk dari mana-mana pintu pilihannya.” Hadis riwayat Muslim. Dan “Barangsiapa berwudhu` lalu dia memperelokkan wudhu`nya, kemudian dia solat 2 rakaat dengan hadirnya hati dan jasad seiringan, wajiblah baginya syurga.” Hadis riwayat Nasaie.

Dia juga menjadikan setiap langkah seorang yang sedang berjalan menuju solat sebagai penghapus dosa pada sebelah kakinya dan sebelahny lagi sebagai pengangkat darjat, dan orang yang memanggil dengan Azan diampunkan baginya sejauh capaian suaranya, dan menjadi saksi baginya segala yang hidup dan dan segala yang mati. Dan barangsiapa mendengar suara Azan dan menjawab laungan azan tersebut dengan lafaz sepertinya, dia mendapat pahala seperti pahala sang muezzin. “Dan apabila berkata Muazzin: Aku naik saksi bahawa Muhammad itu pesuruh Allah, lalu berkata orang yang mendengarnya: Aku juga menjadi saksi, Aku redha Allah sebagai Tuhanku, Muhammad sebagai rasulku, Islam sebagai agamaku, nescaya akan diampunkan dosa-dosanya.” Hadis riwayat Muslim.

Solat itu sangat banyak kelebihan dan tinggi darjatnya, pahalanya juga besar. Maka barangsiapa pergi ke masjid atau kembali dari masjid, Allah sediakan untuknya tempat tinggal di dalam syurga setiap kali dia pergi dan kembali.

Solat secara Jemaah lebih baik dari solat bersendirian sebanyak 27 kali ganda.

Barangsiapa solat subuh, maka dia berada dalam jagaan Allah sehingga petang.

Barangsiapa menjaga solat Asar, digandakan pahalanya 2 kali ganda. Nabi saw bersabda:

إِنَّ هَذِهِ الصَّلَاةَ عُرِضَتْ عَلَيَّ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ فَضَيَعُوهَا، فَمَنْ حَافِظَ عَلَيْهَا كَانَ لَهُ أَجْرُهُ
مَرَّتَيْنِ

“Sesungguhnya solat ini diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu, lalu mereka cuai padanya, maka barangsiapa yang berterusan melaksanakannya, baginya pahala 2 kali ganda.” Hadis riwayat Muslim.

Barangsiapa solat Isya` secara berjemaah, maka seolah-olah dia telah mendirikan separuh malam, dan barangsiapa solat Subuh secara berjemaah maka seolah-olah dia telah mendirikan keseluruhan malam (dengan amal ibadah).

Dua rakaat sebelum Subuh itu lebih baik dari dunia dan seisinya. Maka barangsiapa solat sunat 12 rakaat sehari semalam, Allah akan membina untuknya sebuah rumah dalam syurga.

Dua rakaat Dhuha yang dilaksanakan adalah untuk melaksanakan hak syukur (kepada Allah) atas nikmat (diberikan kekuatan pada) seluruh sendi dalam tubuh badan.

Allah meletakkan zikir-zikir dalam solat yang digandakan pahalanya. Seorang lelaki solat di belakang Nabi saw, ketika dia mengangkat kepalanya dari ruku` dia berkata: “Tuhan kami, untukMu segala pujian, pujian yang banyak lagi baik yang diberkati padanya.” Maka Rasulullah saw bersabda: “Aku melihat lebih 30 orang malaikat berlumba-lumba, siapakah di kalangan mereka yang paling awal menulis pahala (untuk orang yang solat tadi).” Hadis riwayat Bukhari.

Siapa yang mengaminkan bersama imam di akhir surah Al-Fatihah, diampunkan dosanya jika ia bertepatan dengan bacaan amin oleh para malaikat.

“Dan sesiapa yang membaca ayat Kursi setiap kali selepas solat, tiadalah yang menegahnya dari memasuki syurga kecuali mati.” Hadis riwayat Nasaie.

Barangsiapa yang mengucapkan ketika selesai solat maghrib: “Ya Allah, lindungilah aku dari api neraka.” 7 kali, Allah akan meyelamatkan dia dari api neraka jika dia mati pada malam tersebut, dan jika dia mengucapkannya selepas Subuh dan mati pada hari itu, Allah akan selamatkan dia.

Kitab Allah swt itu kitab yang diberkati, siapa yang mendekatinya akan diangkat darjatnya, siapa yang membaca satu huruf darinya, ditulis untuknya bagi setiap huruf itu satu kebaikan, dan setiap kebaikan itu digandakan sebanyak 10 kali ganda.

Surah Al-Ikhlas itu menyamai 1/3 AL-Quran, sesiapa yang menyukainya, akan ditunjukkan untuknya jalan ke syurga. Berkata seorang lelaki dari kalangan Ansar: Wahai Rasulullah! Sesungguhnya aku menyukainya (surah AL-Ikhlas). Maka Nabi bersabda: "Kecintaanmu padanya memasukkan kamu ke dalam syurga." Hadis riwayat Bukhari.

"Dikatakan pada hari kiamat kepada pembaca Al-Quran: Bacalah! Dan bertambahlah darjatmu! Sepertimana engkau tartilkan bacaannya di dunia, maka sesungguhnya kedudukanmu mengikut ayat yang terakhir yang engkau telah baca." Hadis riwayat Abu Daud.

Islam mengagungkan persaudaraan dan kasih sayang sesama Muslim, Dia menyusun pahala yang banyak (untuk diberikan kepada) sesiapa yang meneguhkan (ikatannya), maka tiadalah dua orang Muslim yang bertemu kemudian saling bersalam-salaman kecuali diampunkan dosa keduanya.

"Apabila seorang Muslim menziarahi saudaranya, maka dia sentiasa berada di dalam khurfah syurga." Ditanya: Wahai Rasulullah! Apakah itu Khurfah syurga? Baginda bersabda: "Tempat memetik buahnya." Hadis riwayat Muslim.

Perkataan yang baik itu juga adalah sedekah. Barangsiapa menyaksikan jenazah sehingga ia disembahyangkan, maka baginya satu qirat pahala. Satu qirat itu sebesar bukit Uhud. Dan sesiapa menyaksikannya sehingga ia ditanam, baginya 2 qirat pahala.

Siapa yang berbuat baik kepada kaum Muslimin dan menolong agama Allah, nescaya dia selamat dan diangkat darjatnya, maka barangsiapa membina masjid, Allah akan membina untuknya sebuah rumah di dalam syurga, dan barangsiapa menanggung anak yatim, dia akan bersama Rasulullah saw di dalam syurga.

"Orang-orang yang bersegera (membuat kebaikan kepada) janda-janda dan fakir miskin seperti orang yang solat tidak pernah rehat, berpuasa tidak pernah berbuka." Hadis riwayat Bukhari dan Muslim.

Orang yang bersedekah itu besar (ganjaran) sedekahnya di sisi Allah. Sebiji tamar yang Allah ambil (tamar yang disedekahkan) akan dijaga olehNya sehingga menjadi sebesar sebuah gunung, dan barangsiapa menyembunyikan sedekahnya walaupun (apa yang disedekahkan itu) hanya sedikit, Allah akan naunginya di bawah naungan `ArasyNya.

Barangsiapa berkata kepada orang yang berbuat baik kepadanya: "Semoga Allah membalas kebaikan kepada kamu", maka sesungguhnya dia telah memuji dengan pujian yang sangat baik.

Mendamaikan antara dua orang yang sedang berbalah, sama ada kaum kerabat atau lainnya, lebih besar (ganjarannya) dari puasa, solat dan sedekah.

Kerana agungnya kehormatan seorang Muslim di sisi Allah, barangsiapa menjauhkan dari (saudara)nya apa yang menyakitinya, Allah akan memasukkan dia ke dalam syurga. Nabi saw bersabda: "Demi Allah! Sesungguhnya aku telah melihat seorang lelaki bebas bergerak di dalam syurga, kerana sebatang pokok yang dia potong (untuk dibuang) dari atas jalan, kerana ia (pokok tadi) menyusahkan orang lain." Hadis riwayat Muslim.

Bahkan, barangsiapa yang berbuat baik kepada haiwan, maka sesungguhnya Allah akan bersyukur kepadanya; "Seorang lelaki melihat seekor anjing menjelirkan lidah kerana kehausan, maka diberinya air, lalu Allah mensyukurinya, maka Dia mengampunkan dosanya (yang memberi minum kepada anjing tadi)." Hadis riwayat Bukhari.

Allah swt memuliakan sebahagian perkataan dari perkataan-perkataan zikir, dijadikan baginya pahala yang besar, maka ucapan "SEGALA PUJI BAGI ALLAH" memenuhi timbangan kebaikan, dan barangsiapa mengucapkan "MAHA SUCI ALLAH YANG MAHA AGUNG DAN SEGALA PUJI BAGINYA" ditanam untuknya sebatang pohon tamar di dalam syurga.

Ucapan "MAHA SUCI ALLAH DAN SEGALA PUJI BAGINYA, MAHA SUCI ALLAH YANG MAHA AGUNG " ringan pada lisan, berat pada timbangan dan disukai Ar-Rahman.

Barangsiapa mengucapkan "MAHA SUCI ALLAH DAN SEGALA PUJIAN UNTUKNYA" 100 kali setiap hari, dipadamkan kesalahannya walaupun sebanyak buih di lautan.

"Barangsiapa mengucapkan "MAHA SUCI ALLAH" 100 kali, ditulis baginya 1000 kebaikan, atau dipadamkan baginya 1000 kesalahan." Hadis riwayat Muslim.

Ucapan "TIADA DAYA DAN TIADA KEKUATAN MELAINKAN DENGAN IZIN ALLAH" adalah khazanah dari khazanah-khazanah syurga, dan ucapan "MAHA SUCI ALLAH", "SEGALA PUJI BAGI ALLAH", "TIADA TUHAN MELAINKAN ALLAH", "ALLAH MAHA BESAR" adalah ucapan yang paling disukai Allah. Nabi saw bersabda: "(Ucapan tadi) adalah yang paling Aku sukai dari segala apa yang terkena sinaran matahari (segala makhluk)." Hadis riwayat Bukhari dan Muslim.

Nabi saw bersabda kepada Juwairiah r.a, yang selalu berzikir kepada Allah selepas Subuh sehingga waktu Dhuha: "Aku beritahumu empat kalimah yang diulang sebanyak 3 kali, jika ditimbang dengan apa yang engkau wiridkan hari ini pasti ianya sama berat, (iaitu): "MAHA SUCI ALLAH DAN SEGALA PUJI BAGINYA, SEBANYAK CIPTAANNYA, SETINGGI KEREDHAANYA, SEBERAT TIMBANGAN `ARASNYA DAN SELUAS ILMUNYA (ilmu Allah)." Hadis riwayat Muslim.

Barangsiapa berselawat ke atas Nabi saw satu kali, Allah akan berselawat ke atasnya sebanyak 10 kali ganda.

Nikmat Allah ke atas kita datang berturutan, sebahagiannya nikmat di dunia yang akan hilang, dan sebahagian lagi kekal hingga ke akhirat.

Barangsiapa berkata ketika waktu pagi: “Ya Allah, apa jua nikmat yang aku perolehi pada waktu pagi ini, maka ia semua datang dariMu Yang Maha Esa, tiada sekutu bagiMu, maka untukMu segala pujian dan rasa syukur” maka sesungguhnya dia telah menunaikan hak syukur pada hari tersebut, dan barangsiapa mengucapkannya ketika petang, maka sesungguhnya dia telah melaksanakan hak syukur pada malam tersebut.” Hadis riwayat Abu Daud.

Allah swt menyukai seorang Muslim, memuliakannya dan mempertahankan (hak)nya, Dia meletakkan sebab-sebab untuk memelihara hambaNya dari musuh-musuh. Maka diturunkan ayat-ayat yang pendek (ayat-ayat pelindung) untuk memelihara seseorang pada waktu malam, siang, di tempat tinggal dan tempat tidurnya. Surah Al-Mu`awwizatan (surah Al-Falak dan An-Nas), tiadalah seseorang itu berlindung (dengan membaca kedua-dua surah) dengan pelindung (yang lengkap) seumpama keduanya pada waktu pagi dan petang, dan barangsiapa membaca 2 ayat terakhir dari surah Al-Baqarah, cukuplah bagi dia (untuk dipelihara) dari segala kejahatan, dan barangsiapa yang membaca ayat Kursi sebelum tidur, Allah akan sentiasa menjaganya sehinggalah waktu pagi.

Allah swt meletakkan doa-doa, sesiapa yang berdoa dengannya sekalipun sambil berjalan kaki, Allah akan memeliharanya dari segala yang tidak disukai. “Maka sesiapa yang singgah di persinggahan lalu berkata: “Aku berlindung dengan Kalimat-Kalimat Allah yang sempurna, dari kejahatan apa yang Dia ciptakan” Tiada yang akan memberi mudharat kepadanya sehinggalah dia meninggalkan persinggahan tersebut.” Hadis riwayat Muslim.

Dan “Barangsiapa keluar dari rumahnya lalu berkata: Dengan nama Allah, aku bertawakal kepada Allah, dan tiada upaya dan kekuatan melainkan dengan izin Allah” malaikat kan berkata kepadanya: Engkau telah dicukupkan (dari segala kejahatan) dan dipenuhi (dengan segala kebaikan), maka syaitan pun menjauhinya.” Hadis riwayat Tirmizi.

Dengan doa yang disertakan dengan amal soleh, barangsiapa yang melakukannya, nescaya akan Allah masukkan dia ke dalam syurga, serta melindunginya daripada api neraka.

Rasulullah SAW bersabda, “Barangsiapa yang meminta syurga sebanyak tiga kali, maka syurga akan berkata, “Ya Allah, masukkanlah dia ke dalam syurga”. Barangsiapa yang meminta perlindungan daripada neraka tiga kali, maka neraka akan berkata, “Ya Allah, jauhkan dia daripada neraka” (HR Tirmizi)

Allah SWT mengurniakan kepada para hambaNya dengan pemberian-pemberian yang melebihi (segala yang mereka mampu perhitungkan). Sekiranya seorang hamba itu bersyukur kepadaNya atas pemberian yang diterimanya, maka Allah akan mengampunkan segala dosa-dosanya.

Rasulullah SAW bersabda, “Barangsiapa yang setelah menikmati satu hidangan dia menyebut,

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَطْعَمَنِي وَسَقَانِي مِنْ غَيْرِ حَوْلٍ مِنِّي وَلَا قُوَّةٍ

“Segala puji bagi Allah yang telah memberiku makanan dan rezeki kepadaku, sedang aku sebenarnya tidak berdaya dan tiada kemampuan”, maka akan diampunkan segala dosa-dosanya yang telah lalu”. (HR Tirmizi)

Allah SWT juga menawarkan kemurahanNya kepada orang-orang yang bersama di dalam majlis yang tercemar kelalaian, agar buku catatan amal mereka tetap putih dan bersih.

Rasulullah SAW bersabda, “Barangsiapa yang duduk dalam satu majlis yang dipenuhi kelalaian, tetapi berkata sebelum dia keluar daripada majlis itu,

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ

“Maha SuciMu ya Allah, dan segala pujian hanya layak untukMu, aku bersaksi bahawa tiada tuhan yang layak disembah melainkanMu, aku memohon ampun dan bertaubat kepadaMu”, maka segala kelalaian yang berlaku di dalam majlis itu akan diampuni Allah”. (HR Tirmizi)

Allah, dengan penuh kasihNya telah mencipta banyak waktu-waktu istimewa yang mana Dia tidak akan menolak sebarang doa hambaNya dirafa'kan pada waktu-waktu itu.

- Pada setiap malam, Allah memberi peluang kepada para hambaNya untuk berdoa, dan Dia akan memberikan apa yang mereka pohonkan.

Rasulullah SAW bersabda, “Sesungguhnya pada waktu malam, terdapat satu waktu yang tidak ada seorang muslim pun yang berdoa kepada Allah memohon kebaikan dunia dan

akhirat, melainkan akan diberikan kepadanya, dan ini adalah pada setiap malam". (HR Muslim)

"Pada setiap malam, Tuhan kita akan turun ke langit pertama dan berfirman, "Barangsiapa yang berdoa kepadaKu, nescaya akan Aku perkenankan. Barangsiapa yang meminta kepadaKu, nescaya akan Aku berikan. Dan barangsiapa yang memohon ampun daripadaKu, nescaya akan Aku ampunkan". (Muttafaq 'alaih)

- Pada setiap Jumaat juga, Allah telah menyediakan waktu khas dimana Dia akan memakbulkan segala doa hamba-hambaNya.

- Pada setiap tahun pula, Allah SWT menyediakan malam Lailatul Qadar, di mana amal soleh yang dilakukan pada malam itu adalah lebih baik daripada ibadah seribu bulan. Barangsiapa yang menghidupkan malam itu dengan penuh iman dan pengharapan kepada Allah, maka akan diampunkan segala dosanya yang terdahulu.

- Satu hari puasa pada Hari Arafah boleh menghapus dosa-dosa kecil yang dilakukan selama 2 tahun.

- Puasa pada Hari 'Asyura' adalah penghapus dosa-dosa sepanjang setahun yang lepas.

- Puasa 3 hari sebulan adalah seperti puasa sepanjang tahun.

- Satu umrah pada bulan Ramadhan pula adalah seperti haji.

Demikian juga, Allah SWT menyediakan tempat-tempat istimewa yang padanya setiap pahala akan digandakan.

- Satu solat di Masjidil Haram adalah lebih baik daripada 100,000 solat biasa. Satu solat di Masjid Nabawi pula adalah lebih baik daripada 1000 solat biasa, dan satu solat di Masjidil Aqsa adalah lebih baik daripada 500 solat biasa.

- Demikian juga, barangsiapa yang berwudhu' di rumahnya, kemudian datang ke Masjid Quba' dan bersolat di dalamnya 2 rakaat, maka dia akan diberi pahala seperti dia mengerjakan satu umrah.

Dalam zaman yang telah berganda ujian dan pancarobanya, Allah SWT turut meng gandakan pahala untuk setiap amalan.

- Orang yang berpegang teguh dengan agamanya pada akhir zaman kelak, maka dia akan dikurniakan pahala seperti 50 orang sahabat.

Rasulullah SAW juga bersabda, "Dan ibadah pada zaman kekacauan adalah seperti hijrah menuju ke tempat Rasulullah SAW". (HR Muslim)

Barangsiapa yang tidak terdaya melaksanakan satu amalan atau perbuatan sedang dia jujur dalam niatnya, maka Allah dengan kemurahanNya akan memberinya pahala penuh seperti dia beramal dengannya, sekalipun dia tidak melakukannya.

Rasulullah SAW bersabda, "Barangsiapa yang meminta kepada Allah agar dikurniakan kepadanya syahid, maka dia akan memperoleh ganjarannya sekalipun dia mati di atas tilamnya." (HR Muslim)

Barangsiapa yang berazam bahawa jika dia mempunyai harta, maka baginya pahala orang-orang yang bersedekah.

Barangsiapa yang menyukai seseorang, maka di akhirat, dia akan dihimpunkan bersama orang yang disukainya.

Anas RA berkata, "Tidak pernah kami gembira selepas Islam segembira kami sebaik mendengar sabda Rasulullah SAW, "Sesungguhnya engkau (akan dihimpunkan) bersama dengan orang yang engkau cintai". Anas berkata, "Aku cinta kepada Allah, Rasulullah SAW, Abu Bakar dan Umar, dan aku berharap dapat bersama mereka walaupun aku tidak mampu beramal dengan amalan mereka".

Jika seseorang hamba itu bermusafir atau sakit, (lalu tidak mampu melakukan ibadahnya seperti biasa), maka Allah, dengan kemurahanNya akan mengurniakan pahala sepertimana yang dilakukan semasa dia sihat atau di rumahnya.

Kesedihan dan dukacita juga akan penghapus dosa.

Dengan kemurahan Allah juga, dia memberikan kepada sesiapa yang sekadar bercadang untuk melakukan satu amal kebaikan dengan catatan sebagai satu kebaikan penuh. Sebaliknya, barangsiapa yang bercadang mahu melakukan dosa, kemudian tidak melakukannya, maka baginya juga satu kebaikan penuh.

Muslimin sekalian,

Tanda orang yang mendapat taufik Allah, ialah apabila dia mampu memahami realiti nikmat yang Allah kurniakan kepadanya, lalu dia mensyukurinya, beramal menurut garis panduannya, serta sentiasa bersegera dalam melakukan amal soleh agar dia tergolong dalam golongan terawal yang memasuki syurga.

Barangsiapa yang mempelbagaikan amalan solehnya, maka akan pelbagai pula nikmat yang akan diterimanya di akhirat.

Amal soleh itu berganda berdasarkan tahap keikhlasan.

Antara petanda sesuatu amal kebaikan hamba itu diterima, ialah selepas itu dia akan meneruskannya dengan amal kebaikan yang lain pula.

إِنَّ اللَّهَ لَا يَظْلِمُ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ ^ط وَإِنْ تَكَ حَسَنَةً يُضْعِفْهَا وَيُؤْتِ مِنْ لَدُنْهُ أَجْرًا

عَظِيمًا

“Sesungguhnya Allah tidak akan melakukan kezaliman walau sebesar zarah, dan jika (apa yang dilakukan hamba itu adalah) kebaikan, maka Dia akan menggandakannya, dan memberikan dari sisiNya, pahala yang sangat besar”. (al-Nisa’:40)

Semoga Allah memberkatiku dan kamu dengan al-Qur’an al-‘Adzim, memanfaatkanku dan kamu dengan pelbagai isyarat, peringatan dan hikmah yang terkandung di dalamnya.

Apa yang aku ucapkan ialah apa yang kamu dengar. Aku memohon ampun kepada Allah untukku, kamu, dan sekalian kaum muslimin daripada sebarang dosa. Mohonlah ampun daripadanya, sesungguhnya Dialah Yang Maha Pengampun, Yang Maha Mengasihi.

KHUTBAH KEDUA

Segala puji bagi Allah atas segala kurniaanNya. Aku bersyukur kepadaNya atas taufik dan kurniaanNya. Aku bersaksi bahawa tiada tuhan yang layak disembah melainkanNya yang Esa, tanpa sebarang sekutu buatNya, sayugia kemuliaanNya. Dan aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad adalah hamba dan pesuruhNya. Selawat dan salam penuh gandaan daripada Allah ke atas baginda, seterusnya ke atas ahli keluarga dan para sahabat baginda.

Muslimin sekalian,

Diantara rahmat Allah kepada para hambaNya ialah Dia telah menghantar para rasulNya kepada mereka, sambil membawa berita gembira dan ancaman. Dia tidak membiarkan hamba-hambaNya mencipta sendiri (bid’ah) dalam beragama kepadaNya, sebaliknya Dia telah menjelaskan segala yang disukaiNya dan diredhaiNya.

Dia juga meletakkan syarat, bahawa amalan itu hanya diterima jika dilakukan dengan ikhlas untukNya, dan mengikuti petunjuk daripada Nabi Muhammad SAW. Barangsiapa yang mereka cipta amal ibadah (melakukan bid’ah), maka dia telah membebankan dirinya dengan

apa yang tidak Allah izinkan. Dia tidak akan menuai apa-apa daripada amalan itu selain penat dan dosa.

Berkata Ibn Mas'ud, "Ikutlah (sunnah) dan janganlah kamu mereka-reka (membuat bid'ah). Sesungguhnya ia (sunnah itu) sudah cukup untuk kamu (untuk beroleh kejayaan)".

Umar RA, jika beliau ingin melakukan sesuatu dan telah memperkuat azamnya, tetapi kemudian diberitahu bahawa baginda SAW tidak melakukannya, (maka dia akan meninggalkannya).

Setiap mukmin itu hendaklah menghimpunkan keikhlasan (kepada Allah) dan ketaatan (mengikut ajaran Nabi SAW), sebelum dia memperbanyakkan amal solehnya.

Ketahuiilah, sesungguhnya Allah menyuruh kamu untuk mengucapkan selawat dan salam kepada NabiNya SAW, dengan berfirman dalam kitabNya,

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ

وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

"Sesungguhnya Allah dan para malaikatNya mengucapkan selawat ke atas Nabi (SAW), maka wahai orang-orang beriman, ucapkanlah selawat dan salam kamu ke atas Nabi (SAW)." (al-Ahzab:56)